



JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A

"Sebanyak RM400,000 diperuntukkan untuk bantuan sokongan petugas barisan hadapan seperti doktor, jururawat, polis, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), Jabatan Imigresen Malaysia dan agensi berkaitan" – **MyMetro, 21 Mac 2020**

Bilangan Pelawat Domestik Mengikut Jenis Pelawat ke Kedah, 2017 Dan 2018

	2017	2018
Jumlah ('000) Total	13,304.5	14,480.0
Pelawat harian <i>Excursionist</i>	8,374.9	9,031.0
Pelancong <i>Tourist</i>	4,929.6	5,449.0

Sumber: MyLocal Stats Kedah, 2018

Tahun 2018 menunjukkan Kedah menerima 14.5 juta pelawat domestik. Daripada bilangan tersebut, 9.0 juta (62.4 peratus) merupakan pelawat harian dan 5.4 juta (37.6 peratus) adalah pelancong.

Bilangan Penumpang Yang Dikendalikan Mengikut Lapangan Terbang Di Kedah, 2016-2018

Kategori	2016	2017	2018
Domestik	3,196,218	3,283,475	3,183,520
Antarabangsa	246,759	286,536	368,995
Jumlah	3,442,977	3,570,011	3,552,515

Sumber: MyLocal Stats Kedah, 2018

Kementerian Pengangkutan Malaysia melaporkan bahawa pada tahun 2018, bilangan penumpang yang dikendalikan di lapangan terbang Kedah telah menurun kepada 3.55 juta berbanding 3.57 juta pada tahun 2017.

BULETIN KHAS NEGERI



Statistik Utama Tenaga Buruh, Kedah, 2018-2019

Tahun	Tenaga buruh ('000)	Penduduk bekerja ('000)	Penganggur ('000)	Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	Kadar pengangguran (%)
2018	936.7	909.2	27.5	63.5	2.9
2019	950.0	923.6	26.3	63.3	2.8


Pada tahun 2019, **penduduk bekerja** di Kedah adalah **923.6 ribu orang** dengan **kadar penyertaan tenaga buruh** adalah **63.3 peratus** (Malaysia: 68.7 peratus). **Kadar pengangguran** pada tahun 2019 menurun kepada **2.8 peratus** (Malaysia: 3.3 peratus) berbanding 2.9 peratus dicatatkan tahun 2018.



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, 2019

Penduduk Bekerja Mengikut Industri 2019, Kedah

Industri **pembuatan** mencatatkan bilangan penduduk bekerja paling ramai di Kedah iaitu **197.4 ribu pekerja (21.4 peratus)** diikuti dengan industri **perdagangan borong, dan runcit: pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal, 144.0 ribu pekerja (15.6 peratus)**. Industri **pertanian, perhutanan dan perikanan** dan **penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman** masing-masing mencatatkan **127.8 ribu pekerja (13.8 peratus)** dan **109.7 ribu pekerja (11.9 peratus)** pada tahun yang sama. Keempat-empat industri ini merupakan aktiviti utama yang menjadi tumpuan **62.7 peratus** pekerja di Kedah.



Sumber: Population Quick Info

Unjuran Penduduk Negeri Kedah, 2020 Mengikut Kumpulan Umur

Komposisi umur penduduk di Kedah boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu kumpulan umur muda (0-14 tahun), kumpulan umur bekerja (15-64 tahun) dan umur tua (65 tahun dan lebih).

Unjuran tahun 2020 menunjukkan penduduk di Kedah dimonopoli oleh kumpulan umur bekerja iaitu 66.9 peratus daripada jkeseluruhan penduduk diikuti kumpulan umur muda 24.7 peratus dan kumpulan umur tua 8.4 peratus.





JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A



Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Kedah, 2014 & 2016

	MALAYSIA		KEDAH	
	2014	2016	2014	2016
Penengah (RM) <i>Median</i>	4,585	5,228	3,451	3,811
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun <i>Compounded annual growth rate</i>	"	6.6	"	5.0
Purata (RM) <i>Mean</i>	6,141	6,958	4,478	4,971
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun <i>Compounded annual growth rate</i>	"	6.2	"	5.2

Sumber: HIS,2016

Pekali Gini dan Insiden Kemiskinan, Malaysia dan Kedah, 2014 & 2016

	MALAYSIA		KEDAH	
	2014	2016	2014	2016
Pekali Gini <i>Gini Coefficient</i>	0.401	0.399	0.365	0.393
Insiden Kemiskinan <i>Incidence of poverty</i>	0.6	0.4	0.3	0.2

Sumber: HIS,2016

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah dan Purata Bagi Kumpulan Pendapatan Mengikut Pendapatan, Malaysia dan Kedah, 2016

	MALAYSIA		KEDAH	
	2014	2016	2014	2016
Penengah (RM) <i>Median</i>				
Terendah 40% -B40		3,000		2,154
Pertengahan 40% -M40		6,275		4,412
Tertinggi 20% -T20		13,148		9,602
Purata (RM) <i>Mean</i>				
Terendah 40% -B40		2,848		2,089
Pertengahan 40% -M40		6,502		4,608
Tertinggi 20% -T20		16,088		11,469

Sumber: HIS,2016

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Kedah, 2014 & 2016

	MALAYSIA		KEDAH	
	2014	2016	2014	2016
Penengah (RM) <i>Median</i>	2,946	3,314	2,320	2,423
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun <i>Compounded annual growth rate</i>	"	5.9	"	2.2
Purata (RM) <i>Mean</i>	3,578	4,033	2,791	3,061
Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun <i>Compounded annual growth rate</i>	"	6.0	"	4.6

Sumber: HIS,2016

Indeks Harga Pengguna (2010=100), Kumpulan Utama,¹Kedah & Perlis, 2019 & 2020

KUMPULAN UTAMA	2019		2020
	Mac	Feb	Mac
Jumlah	118.9	119.7	118.0
Makanan dan Minuman Bukan Alkohol	128.1	128.7	128.7
Minuman Alkohol dan Tembakau	174.3	174.7	174.8
Pakaian dan Kasut	88.4	87.8	87.7
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	121.9	123.6	123.6
Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah	113.2	113.1	113.5
Kesihatan	117.3	118.2	118.2
Pengangkutan	110.0	110.4	101.1
Komunikasi	98.1	99.3	99.3
Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan	112.3	113.8	113.8
Pendidikan	108.4	109.5	109.5
Restoran dan Hotel	128.0	128.9	128.7
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	115.6	117.3	118.1

Sumber: IHP, Mac 2020

¹ Indeks bagi dua negeri ini digabungkan memandangkan sumbangan relatif yang kecil bagi negeri-negeri tersebut

Indeks Harga Pengguna (IHP) negeri Kedah & Perlis menurun 0.8 peratus pada Mac 2020 kepada 118.0 berbanding 118.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, IHP negeri Kedah & Perlis bagi Mac 2020 menurun 1.4 peratus kepada 118.0 berbanding Februari 2020.

"Mungkin ada peniaga yang tidak bertanggung jawab dan mengambil kesempatan menaikkan harga. Oleh itu, KPDNHEP akan melaksanakan Skim Harga Maksimum," - Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, 12 April 2020



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020




#LeaveNoOneBehind






Statistik COVID-19 Negeri Kedah


Bilangan Kes Baharu Harian COVID-19, Kedah




Bilangan Kumulatif Kes COVID-19, Kedah



Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Negeri




Peratusan Kes Pulih, Aktif dan Kematian Mengikut Negeri



Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Daerah, Kedah



Peratusan Kes Kedah Terhadap Malaysia



Nota : Dikemaskini sehingga 19 Mei 2020
Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia





JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A

Impak Covid-19 di Kedah

Perkhidmatan Klinik

Kebanyakan klinik swasta di Negeri Kedah didapati memendekkan waktu rawatan mulai jam 8.00 pagi sehingga 6.00 petang sahaja berbanding 8.00 pagi sehingga 9.00 malam atau kadang kala sehingga



12.00 tengah malam sebelum MCO. Pendapatan dijangka **berkurangan sehingga 50%** pada bulan Mac 2020 berbanding bulan sebelumnya.

Perkhidmatan Perhotelan

Makluman awal oleh beberapa pengusaha hotel di Langkawi mendapati **occupancy rate**

bagi tempoh MCO ini adalah di antara **10% hingga 30%**. Catatan yang terendah pernah dicapai adalah pada **occupancy rate 3%**. Syarikat Industri Pelancongan Langkawi pula memaklumkan lebih kurang 40 buah hotel di Langkawi ditutup sementara sepanjang MCO. Sebanyak 50 buah hotel bertaraf tiga hingga lima bintang yang bernaung di bawah Persatuan Hotel Malaysia Cawangan Kedah/Perlis turut terjejas.



Perkhidmatan Pengangkutan Bas

Pendapatan pengusaha bas ekspres telah menurun sehingga 50%. Pengusaha bas sekolah pula memaklumkan pendapatan mereka terjejas teruk kerana hampir 70% pelajar masih belum membuat pembayaran yuran bagi bulan Mac 2020.



Perkhidmatan Feri

Perkhidmatan feri ke semua sektor **dikurangkan kepada 2 trip** sehari berbanding 10 **trip** sebelum ini. Waktu perjalanan diselarasakan pada jam 11.00 pagi dan 4.00 petang sahaja.



Perkhidmatan Pengangkutan Teksi

Perkhidmatan teksi, *e-hailing* dan kereta sewa khususnya di kawasan Kuala Kedah paling terkesan akibat penularan wabak COVID-19 ini.

Pemandu *part time* Grab yang memperolehi pendapatan sekitar RM800 pada bulan Februari 2020 hanya mendapat RM200 pada awal bulan Mac 2020 dan kini terpaksa menghentikan operasi sehingga MCO berakhir.



Perkhidmatan Lori Sewa

Pengusaha lori sewa juga memaklumkan pendapatan mereka **menurun di antara 30% - 45%** bagi bulan Mac 2020. Dimaklumkan sebelum MCO, pergerakan setiap lori adalah sebanyak 5 kali seminggu. Namun ianya telah berkurang kepada 2 kali sahaja seminggu di sepanjang MCO.






Impak Covid-19 di Kedah

Perkhidmatan Pembaikan dan Penyelenggaraan Kenderaan Bermotor

Kebanyakan pengusaha bengkel mengalami **penyusutan pendapatan di sekitar 85%-90%** sejak PKP dilaksanakan. Terdapat bengkel kenderaan yang hanya beroperasi tiga (3) hari seminggu iaitu pada hari Khamis hingga Sabtu mulai jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.



Perkhidmatan Jualan Borong & Runcit Alat Ganti Kenderaan

Kebanyakan kedai menjual alat ganti kenderaan tidak beroperasi dalam tempoh MCO. Walau bagaimanapun, sebuah kedai alat ganti memaklumkan terpaksa memendekkan operasi mulai jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang sahaja dengan pendapatan **berkurangan antara 40%-50%** sepanjang PKP.



Perkhidmatan Pengangkutan (Aktiviti kurier selain daripada aktiviti pos nasional)

Syarikat memaklumkan waktu operasi sepanjang PKP adalah bermula jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang sahaja. Sepanjang tempoh PKP, berlaku **peningkatan** penerimaan barang untuk dipos **sebanyak 40%** (purata sebelum PKP 1,200 *parcel*/sehari kepada 2,000 *parcel*/sehari dalam tempoh PKP).



Industri Jualan Borong dan Runcit Kenderaan Bermotor Baru

Pertubuhan perniagaan memaklumkan bahawa nilai jualan bagi kenderaan bermotor dijangka akan mengalami **penurunan 50% hingga 60%** di sepanjang tempoh PKP ini.



Perkhidmatan Jualan Runcit Barangan Farmasi

Sepanjang tempoh PKP Fasa 2, operasi farmasi telah ditetapkan pada jam 8.00 pagi sehingga jam 8.00 malam sahaja. Farmasi yang dihubungi memaklumkan bahawa hasil pendapatan mereka **meningkat sehingga 10% - 30%** semasa tempoh PKP dengan permintaan yang tinggi bagi topeng muka dan *hand sanitizer*.



Perkhidmatan Klinik Gigi Swasta

Pengusaha klinik gigi swasta memaklumkan bahawa perniagaan mereka mengalami **kerosotan sehingga 80%**. Ini disebabkan waktu operasi klinik swasta yang telah dihadkan dan orang ramai juga disarankan menangguhkan temujanji sekiranya kurang penting.



Perkhidmatan Hospital Swasta



Hasil pendapatan dijangka **menyusut di antara 20%-30%**. Hasil pemerhatian mendapati bilangan pesakit berkurangan dan kebanyakan pengunjung merupakan pesakit yang telah mempunyai rekod rawatan dengan pihak hospital.

Perkhidmatan Klinik Haiwan

Klinik haiwan di Alor Setar memaklumkan pendapatan telah **menurun sehingga 50%** bagi tempoh MCO berbanding bulan-bulan sebelumnya. Klinik ini beroperasi seperti biasa kerana bilangan kucing yang banyak di klinik, namun waktu operasi dihadkan sehingga jam 5.00 petang sahaja.





Impak Covid-19 di Kedah

Pengusaha Stesen Minyak

Pengusaha stesen minyak yang dihubungi di Changlun memaklumkan nilai jualan harian yang diperolehi antara RM40,000-RM50,000 sebelum ini telah **menurun dengan mendadak kepada kurang RM15,000** sahaja semasa tempoh PKP berlangsung.

Salah satu stesen minyak di RnR Gurun juga memaklumkan selain **penurunan** nilai jualan petrol yang tinggi iaitu **hampir 70%**, jualan barang bagi kedai serbaneka stesen minyak tersebut juga **menurun sehingga 85%** kerana tiada pelanggan yang melakukan perjalanan jarak jauh.



Perkhidmatan Katering Makanan

Hasil pemerhatian dan maklum balas yang diterima, pelanggan yang telah membuat tempahan untuk majlis kenduri kahwin semasa cuti sekolah baru-baru ini telah membatalkan atau menangguhkan majlis dan jangkakan pendapatan akan **menurun melebihi 50%** dengan bermulanya tempoh PKP ini.



Terdapat pengusaha katering yang memaklumkan mereka sudah tidak menjalankan apa jua perkhidmatan katering Semenjak 18 Mac 2020 sehingga kini dan berkemungkinan berlarutan bagi tempoh enam (6) bulan hingga setahun seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Perkhidmatan Makanan dan Minum

Pelaksanaan PKP memberi kesan yang tinggi kepada perkhidmatan makanan dan minuman dan beberapa pengusaha melaporkan nilai jualan mereka telah **menurun di antara 50% - 90%** berbanding sebelum ini.

Peniaga gerai makanan juga memaklumkan penurunan **nilai jualan mereka sehingga 75%** sejak pelaksanaan PKP kerana ketiadaan pelanggan. Beberapa pengusaha kedai masakan siam di sekitar bandaraya Alor Setar dan Jitra turut memaklumkan, nilai jualan mereka menurun sehingga 80% berikutan kedai tidak dapat beroperasi sepenuhnya.



Sektor Pembinaan

Pelaksanaan PKP dan penutupan semua operasi pembinaan memberi kesan kepada pendapatan kontraktor kerana bayaran dibuat berdasarkan kemajuan projek yang telah disiapkan. Kebanyakan projek awam dan swasta yang dilaksanakan pada Februari dan Mac 2020 juga masih belum dinilai kerja-kerjanya yang membolehkan perunding berkenaan mengeluarkan pembayaran kepada pemaju sepanjang PKP.

Kontraktor pembinaan rumah yang ditemui pula memaklumkan sekiranya mereka mendapat kebenaran untuk melakukan kerja, masalah utama adalah dari segi mendapatkan bahan mentah binaan kerana semua pemborong bahan binaan tidak beroperasi sebagai mematuhi PKP.



Percetakan

Kebanyakan pengusaha syarikat percetakan memaklumkan pendapatan mereka **menurun sehingga 70%** berikutan banyak tempahan telah dibatalkan selain tidak dapat menerima tempahan yang baharu kerana tidak dapat beroperasi sepanjang pelaksanaan PKP ini.





Impak Covid-19 di Kedah


Pembuatan Pengilangan Beras

Pengusaha kilang beras memaklumkan pengeluaran beras di kilangnya **meningkat di antara 40% sehingga 90%** sepanjang PKP. Ini berikutan permintaan yang tinggi daripada pembekal dan juga pihak NGO bagi tujuan sumbangan.



Pembuatan Sos dan Bahan Perasa

Kilang kicap di Pendang memaklumkan operasi kilangnya ditutup sementara sepanjang PKP Fasa 1. Mulai 1 April 2020, kilangnya beroperasi dengan hanya **50% pekerja pengeluaran sahaja**. Mereka menyediakan perkhidmatan penghantaran dan pelanggan juga boleh membuat pembelian secara **online** dan tempahan akan dipos setiap hari.



Pembuatan Teh

Permintaan bagi teh semasa PKP **meningkat 30%**. Peningkatan adalah didorong oleh permintaan oleh pihak NGO dan persatuan untuk dijadikan sumbangan. Semua pekerja bekerja seperti biasa dan dibayar gaji penuh termasuk kerja lebih masa apabila perlu.



Pembuatan Tepung

Salah satu pengusaha kilang tepung memaklumkan jualan bagi bulan Mac 2020 **meningkat hampir 20%** berbanding bulan Februari 2020. Dijangkakan jualan bagi bulan April 2020 akan meningkat melebihi 10% lagi berikutan sudah menerima banyak tempahan berikutan orang ramai mula menyediakan kuih muih untuk berbuka dan menyambut hari raya kelak. Semua pekerja dikekalkan dan dibayar gaji seperti biasa.



Pembuatan Roti dan Bakeri

Kilang membuat roti di Jitra beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh PKP. Pembuatan roti diteruskan tetapi jualan hanya dilakukan secara borong kepada pemborong dan agen penjual sahaja. Hanya van tertentu yang akan datang mengambil roti tersebut untuk dihantar ke *outlet*. Tiada penjualan secara runcit dari kilang untuk pelanggan yang datang buat masa ini. **Peningkatan pembuatan roti dan produk bakeri sehingga lebih 20%** pada Mac dan April 2020 berbanding bulan-bulan sebelumnya.




Pembuatan – Medical Supplies

Syarikat yang mengeluarkan *medical supplies* seperti *face mask*, produk terapi dan *ICU tube ventilator* terpaksa beroperasi dengan 1/3 daripada keseluruhan bilangan pekerja dalam tempoh MCO. Ini hanya membolehkan sekitar **40% pengeluaran sahaja**. Situasi semasa, permintaan melebihi pengeluaran untuk produk yang digunakan oleh pesakit COVID-19.



Pembuatan Kenderaan

Salah satu syarikat yang terlibat dengan pemasangan kenderaan pelbagai utiliti, kenderaan utiliti sukan, kenderaan pelbagai guna dan kenderaan komersial ringan di Kulim telah menghentikan aktiviti pengeluaran pemasangan kenderaan di sepanjang PKP Fasa 1 dan Fasa 2. Walau bagaimana pun syarikat telah mendapat kelulusan dari MITI untuk beroperasi pada PKP Fasa 3 dengan **kapasiti 70% sahaja** pekerja yang dibenarkan.





Impak Covid-19 di Kedah

Pertanian - Tanaman

Pesawah padi di Negeri Kedah baharu sahaja melepasi musim tuai dalam bulan Februari 2020. Pesawah masih menunggu maklum balas daripada pihak MADA sama ada untuk meneruskan penanaman dalam tempoh PKP ini.

Kebanyakan penoreh getah merungut mereka tidak lagi dapat menjual getah skrap kerana kekurangan pembeli. Pengumpulan dan penjualan getah dihadkan hanya tiga (3) kali seminggu berbanding setiap hari sebelum ini. Harga getah skrap juga telah jatuh kepada RM1.90/kg berbanding RM2.40/kg sebelum ini. Pengusaha tembikai memaklumkan harga tembikai telah jatuh daripada RM1.40/kg kepada RM0.70/kg dan jualan tembikai terjejas teruk semasa PKP.

Jualan hasil tanaman cili fertigasi **merosot hampir 50%** dalam tempoh PKP dan hasil pertanian ini juga tidak dapat dieksport seperti biasa.



Pertanian - Perikanan

Nelayan di kawasan Kuala Kedah terjejas teruk pada masa ini. Pendapatan harian mereka merosot dan aktiviti nelayan di Kuala Kedah **berkurangan lebih 50%** terutama sejak pelaksanaan PKP.

Bagi aktiviti ikan sangkar, pengusaha perlu meminimakan pekerja ataupun membuat penggiliran kerja. Penternak ikan keli dan benih ikan keli di Sungai Petani memaklumkan nilai jualan telah **menurun 20%** manakala jualan benih ikan keli **menurun sehingga 50%** sejak PKP dikuat kuasakan.

Penternak udang dan benih udang terbesar di Pulau Sayak memaklumkan operasi penternakan mungkin terjejas sekiranya berlaku kekurangan stok makanan udang.





Penternak ikan air tawar turut memaklumkan nilai jualan mereka menurun disebabkan tiada permintaan daripada restoran yang terpaksa menutup operasi dan kurangnya permintaan pasaran tempatan.

Pertanian - Ternakan

Jumlah nilai jualan telur ayam **meningkat sehingga 90%** semasa tempoh PKP disebabkan permintaan yang tinggi ke atas telur ayam oleh pengguna.

Penternak ayam segar memaklumkan nilai jualan terjejas kerana kekangan untuk memasarkan ayam ternakan secara meluas dan hanya dibekalkan kepada pemborong tertentu sahaja.

Penternak itik pula memaklumkan mereka sukar mendapatkan bekalan dedak dan mengambil inisiatif menukar makanan itik kepada makanan lain seperti buah-buahan (betik) serta batang pokok sagu dan rumbia.



Terdapat penternak yang memaklumkan nilai jualan mereka meningkat naik sehingga 40% kerana penjualan daging mentah yang mendapat permintaan tinggi dari penjual daging tempatan. Syarikat ini tidak mengalami kesukaran untuk membuat pembelian lembu kerana mempunyai kelulusan membeli dan menjual lembu.





JABATAN PERANGKAAAN
M A L A Y S I A



The Edge, 5 Mac 2020 (Khamis)

Langkawi to Enjoy Six-month Hotel Room Fees Waiver — Mukhriz BERNAMA



ALOR SETAR (March 4): The Kedah State Government has agreed to waive hotel room fees for all hotels in Langkawi for six months, effective today, said Menteri Besar Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir.

<https://www.theedgemarkets.com/article/langkawi-enjoy-sixmonth-hotel-room-fees-waiver---mukhriz>

Berita Harian, 1 April 2020 (Rabu)

COVID-19: Bazar Ramadan dan Aidilfitri di Kedah Batal Noorazura Abdul Rahman, bhnews@bh.com.my



ALOR SETAR: Kerajaan negeri akan membatalkan operasi bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri di seluruh negeri ini bagi mengekang penularan COVID-19.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/671894/covid-19-bazar-ramadan-dan-aidilfitri-di-kedah-batal>

Harian Metro, 10 April 2020 (Jumaat)

Hilang Lebih 95 Peratus Pendapatan Bulanan Sejak PKP Noorazura Abdul Rahman, am@hmetro.com.my

PENDAPATANNYA menghampiri RM10,000 sebulan namun selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan, seorang peniaga biskut di Tunjang, Jitra hilang pendapatan bulanan lebih 95 peratus.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/565039/hilang-lebih-95-peratus-pendapatan-bulanan-sejak-pkp>

Astro Awani, 16 April 2020 (Khamis)

COVID-19: Sidang DUN Kedah Berlangsung 25 Minit Adie Sufian Zulkefli

ALOR SETAR: Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah Ke-14 berlangsung hanya 25 minit hari ini, di Wisma Darul Aman di sini, dengan dihadiri kesemua 36 Ahli DUN (ADUN).



<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-sidang-dun-kedah-berlangsung-25-minit-238600>

Penafian: Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

Harian Metro, 30 Mac 2020 (Isnin)

Harga Bawang, Telur Naik Noorazura Abdul Rahman, am@hmetro.com.my

HARGA bawang dan telur di Kubang Pasu didapati naik akibat bekalan yang berkurangan. Tinjauan di beberapa kedai runcit juga mendapati peniaga tidak lagi menjual bawang kecil, manakala harga bawang besar naik dari RM7 sekilogram kepada RM10.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/560195/harga-bawang-telur-naik>

Berita Harian, 9 April 2020 (Khamis)

Kedah Laksana Pengurusan Kewangan Berhemah Atasi Impak COVID-19 M Hifzuddin Ikhsan, hifzuddin@bh.com.my



ALOR SETAR: Kerajaan negeri mula melaksanakan perbelanjaan kewangan berhemah bagi memastikan wabak COVID-19 tidak terlalu memberi kesan kepada ekonomi Kedah.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berkata sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), rakyat diminta berbelanja mengikut keperluan termasuk ketika menggunakan wang bantuan yang diterima.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/675022/kedah-laksana-pengurusan-kewangan-berhemah-atasi-impak-covid-19>

BERNAMA, 16 April 2020 (Khamis)

Kedah Sultan Urges State Government To Be Ready For Post-covid-19



ALOR SETAR, April 16 -- The Kedah government needs to streamline development plans and the best implementation methods to stimulate the economy so that its growth can be further enhanced in preparation for the post-COVID-19 pandemic.

<https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=1832642>

The Star, 22 April 2020 (Rabu)

Green Light For 952 Kedah Couples To Marry During MCO

ALOR SETAR (Bernama): A total of 952 couples in Kedah who have been given the green light to get married during the movement control order (MCO) are allowed to do so at the District Religious Offices with minimal attendance.

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/22/green-light-for-952-kedah-couples-to-marry-during-mco>



@STATSMalaysia



#MyStatsDay



#MyCensus2020



#LeaveNoOneBehind

